

Kenapa Mahathir tidak ke Davos

UM 16 FEB 2000

Pendapat

SAYA tertarik hati dengan kata-kata penuh bermaruah Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai keenggannya menghadiri Forum Ekonomi Dunia di Davos, Switzerland, baru-baru ini.

Menurut Dr. Mahathir, beliau bertindak demikian kerana penganjur tidak menepati janji asal meletakkannya (Dr. Mahathir) sebagai pemidato utama, sebaliknya dijadikan sebagai pengucap pada sesi persiclangan biasa sahaja.

Apabila pertama kali mendengar kata-kata ini menerusi laporan berita radio puku17 pagi, rangkaian RTM Ahad (30 Januari), saya tidak berasa yang lain melainkan kebanggaan semata-mata.

Bangga kerana Dr. Mahathir, menerusi kata-kata dan tindakannya untuk tidak menghadiri forum itu, telah secara tidak langsung memberi

Seharusnya juga seluruh rakyat melihat tinclakan Dr. Mahathir ini sebagai satu lagi wadah pencetus semangat agar kita sentiasa berusaha sedaya upaya menjaga maruah diri clan bangsa, lalu menyanggah dan menentang apa juga usaha untuk merendahkan atau memperkotak-katikkannya.

Tindakan Dr. Mahathir ini menyedarkan lagi kita betapa kita harus berani kerana benar.

Dalam masa yang sama kita harus sama sekali hindarkan diri untuk berani tak tentu fasal khususnya jika berani itu hanya untuk menegakkan benang yang basah.

Konsisten

Tindakan terbaru Dr. Mahathir ini konsisten dengan sikap yang telah diambilnya dalam meninjau negara selama ini.

yang mulai kita rasa sekarang.

Sikap ini amat sukar didapati daripada kalangan pemimpin dunia ketiga khususnya jika kita melihat ke negara-negara jiran kita. Pun sikap ini masih gagal difahami oleh sebahagian daripada kalangan rakyat negara ini sendiri, apatah lagi di kalangan pengkritik kerajaan.

Malah di kalangan mereka ini, punyalah hendak menjadi "pak turut" yang setia, apabila sahaja pihak luar mencebuh sistem demokrasi di negara ini, mereka turut menclendangkan lagu yang sama lalu di capkanlah negara ini sebagai negara yang tidak mengamalkan demokrasi tulen.

Sedangkan semua orang tahu, mana ada sebuah negara di dunia ini yang benar-benar meng-

hari ini oleh kita termasuklah yang "berkokok berderai-derai" di luar negara mencemuh negara sendiri mengenai tuntutan demokrasi tulen konon.

Sedangkan dasar ini lahir daripada peristiwa yang mengerikan -rusuhan kaum 13 Mei, 1969, yang puncanya ialah kerana wujudnya jurang ekonomi yang besar antara bumiputera dan bukan bumiputera di negara ini ketika itu.

Sungguhpun dasar ini secara rasminya tamat sedekad yang lepas (pada tahun 1990), namun oleh kerana keberkesanannya khususnya dalam membangunkan masyarakat bumiputera menerusi serampang dua matanya - membasmi kemiskinan dan menhilangkan pengenalan kaum menurut fungsi ekonomi, semangat dasarnya diteruskan hingga kini.

Manfaat

tahu pihak penganjur mahupun siapa-siapa yang mengenalinya dan negara yang dipimpinnya, supaya tidak memperlekehkannya serta bangsa yang diterajuinnya.

Dan tindakan "buruk siku" pihak penganjur forum tersebut jelas merupakan tindakan yang memperlekehkan kerana ia juga yang pada asalnya menentukan Dr. Mahathir pengucap utama tetapi kemudian menukarkannya, dengan alasan penganjur sendiri sahaja yang tahu.

Melatah

Kalau pihak penganjur mahupun pencemuh Dr. Mahathir lebih mahu melihat tindakan pemimpin kita ini tindakan seorang *super egoist* dari sebuah negara kecil dunia ketika yang kononnya melatah, lalu merajuk hati hanya kerana perkara yang remeh-temeh dek tidak dapat menjadi pengucap utama.. biarkanlah.

Pada saya, apa yang dilakukan oleh Dr. Mahathir ini malah seperti mana juga apa yang telah dilakukannya selama tempoh 18 tahun beliau mengetuai kerajaan negara ini dalam membangunkan negara, yakni demi mempertahankan maruah bangsa kita.

Satu daripada elemen konsistennya itu ialah betapa beliau dan negara yang dipimpinnya, tidak mahu menjadi "pak turut" atau mengamalkan *herd instinct* kepada apa juga sistem mahupun kuasa yang sentiasa berat sebelah, memihak kepada pencipta sistem dan pemunya kuasa semata-mata.

Tidak hairanlah, pemimpin luar khususnya yang bersekongkol dengan sistem ataupun kuasa yang berkenaan tidak digemari ramai.

Beliau pun dicap dengan pelbagai gelaran dan antaranya ialah *recalcitrant* atau seorang yang degil, keras kepala. Namun sedegil-degil serta sekeras-keras kepala Dr. Mahathir, negara dan rakyat kita terus menikmati kemakmuran sungguhpun ketika kegawatan yang lepas, tanpa kita melutut kepada bantuan kuasa-kuasa "buaya darat" dunia yang ada.

Malah, oleh kerana sikap Dr. Mahathir yang tidak mahumjadi "pak turut"lah - ketika mana negara-negara dicengkam kegawatan tergesa-gesa memohon bantuan Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), negara kita kembali pulih ekonominya sepertimana

amalkan demokrasi sedemikian tulen.

Demokrasi tulen sebenarnya hanyalah sebuah "ideal", dan negara sehebat Amerika Syarikat pun tidak mengamalkan demokrasi sebegini.

Status

Istilah demokrasi itu sendiri bertunjangan kepada tuntutan persamaan atau kesamarataan, yang lebih kurang bermakna, tidak seharusnya ada dalam satu-satu negara demokrasi itu pelbagai strata dan status ekonomi masyarakatnya.

Maka tidak harus adalah golongan kaya di sebelah pihak, dan yang miskin di satu pihak lagi.

Kalau ikutkan persamaan, kesemua rakyat berada pada paras serta tahap ekonomi yang sama sahaja sedangkan ini tidak wujud di mana-mana negara, termasuklah di negara yang dikatakan pengamal demokrasi terbesar di dunia yakni India.

Kalaulah pemimpin kita yang terdahulu amat taksutkan pada istilah serta tuntutan untuk memenuhi kehendak demokrasi tulen ini, tidak mungkin Dasar Ekonomi Baru (DEB) dicipta 30 tahun lepas, yang manfaatnya dinikmati

Jadi kalau kini DEB hendak dikatakan amalan yang tidak demokratik, katalah sedangkan kita tahu, semua tahu, betapa DEB telah memberi manfaat yang besar kepada kalangan bumiputera sambil yang bukan bumiputera turut memanfaatkannya menerusi perkongsian keekonomi yang dibesarkan melalui dasar-dasar ekonomi negara yang berjaya.

Dan kita warganegara Malaysia pelbagai kaum, agama dan latar ekonomi, terus dapat hidup aman bahagia, harmoni sentosa.

Kepada pengkritik kerajaan khususnya pencemuh Dr. Mahathir, berlaku jujur lah pada diri sendiri dengan mengakui betapa kepemimpinan beliau telah benar-benar meletakkan kita sama-sama kini "duduk sama rendah, berdiri sama tinggi" dengan bangsa-bangsa lain termasuk yang maju di dunia ini.

Kata kunci di sini ialah maruah! Apakah kita tidak lagi percaya tentang keperluan, kemes-tian serta tuntutan untuk sentiasa memelihara maruah? — **ABDUL WAHAB MOHAMAD ALI, Kuantan, Pahang.**